 - 2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The whole of this Policy (with the documents in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

INSURANS KEMALANGAN DIRI CARE

BAHAWASANYA Pengambil Insurans yang dinamakan dan diuraikan di dalam Jadual telah membuat suatu cadangan dan menandatangani suatu perakuan yang akan dijadikan asas kepada kontrak ini dan dianggap untuk dimasukkan ke dalam perjanjian ini, telah memohon kepada Syarikat untuk insurans yang terkandung kemudian dari ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium tersebut berkenaan dengan insurans sedemikian ketika tempoh Insurans yang dinyatakan di dalam Jadual atau ketika mana-mana tempoh yang berikutnya.

MAKA POLISI INSURANS INI MEMPERSAKSIKAN bahawa sekiranya dalam Tempoh Insurans, Pengambil Insurans telah mengalami kecederaan badan yang diakibatkan oleh kemalangan yang mana kecederaan tersebut adalah secara tunggal dan bebas daripada mana-mana sebab lain yang menyebabkan kematian atau hilang upaya ke atas Pengambil Insurans seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini atau yang memerlukan perubatan seperti yang ditakrifkan kemudian dari ini, Syarikat, tertakluk kepada terma, proviso, pengecualian dan syarat kepada dan/atau yang diendokors dalam dokumen Polisi ini, akan membayar faedah yang bersesuaian seperti yang dinyatakan di dalam Pelan yang dipilih kepada Pengambil Insurans atau kepada wakilnya yang sah di sisi undang-undang sekiranya berlaku kematian ke atas Pengambil Insurans.

A. Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

Peruntukan Faedah

Faedah 1 dan 2 : Kematian dan Hilang Upaya Kekal

Bahawasanya sebagai akibat daripada suatu kemalangan seperti yang dinyatakan sebelum ini di dalam Polisi, Pengambil Insurans telah mengalami kecederaan badan yang menyebabkan kematian atau hilang upaya dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan tersebut, faedah-faedah yang boleh dibayar adalah seperti berikut:-

Faedah 1 : Kematian	100% daripada Jumlah Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual
------------------------	--

Faedah 2: Hilang Upaya Kekal	Peratusan amaun yang boleh dibayar seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual A
------------------------------------	---

Jadual A			
Kehilangan atau kehilangan penggunaan kekal ke atas mana-mana tangan atau kaki, lengan atau kaki atau mana-mana kombinasi daripadanya.		100%	
Kehilangan jari telunjuk - 1 falanks - 2 falanks - 3 falanks	5% 10% 15%	Kehilangan jari-jari lain - 1 falanks - 2 falanks - 3 falanks	3% 7% 10%
Kehilangan ibu jari - 1 falanks - 2 falanks	15% 25%	Kehilangan ibu jari kaki	10%
		Kehilangan jari kaki yang lain	2%
Kelumpuhan organik menyeluruh kekal atau terlarut di katil secara kekal		100%	
Kehilangan penglihatan keseluruhan pada satu atau kedua-dua belah mata.		100%	
Hilang upaya menyeluruh kekal		100%	
Kehilangan pertuturan menyeluruh kekal		50%	
Kehilangan pendengaran menyeluruh kekal pada sebelah telinga		20%	
Kehilangan pendengaran menyeluruh kekal pada kedua-dua belah telinga		80%	

1. Agregat bagi kesemua peratusan yang boleh dibayar termasuk kematian berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan, hendaklah tidak melebihi 100%. Sekiranya sejumlah 100% telah dibayar ketika tempoh polisi ini, kesemua insurans menurut dokumen ini hendaklah dihentikan daripada berkuat kuasa. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% sekiranya telah dibayar, akan mengurangkan perlindungan Pengambil Insurans di bawah Kematian dan Hilang Upaya Kekal untuk amaun sedemikian dari tarikh kemalangan sehingga tamat tempoh Polisi.
2. i. Kehilangan penggunaan anggota secara menyeluruh dan kekal hendaklah dianggap sebagai kehilangan fizikal anggota;
ii. Kehilangan penglihatan sebelah mata hendaklah bermaksud kehilangan kesemua penglihatan secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan yang menyebabkan Pengambil Insurans menjadi buta sepenuhnya menjangkaui penyembuhan melalui pembedahan atau rawatan lain;
iii. Kehilangan pertuturan hendaklah bermaksud ketidakupayaan menyeluruh kekal untuk berkomunikasi secara oral.
3. Mana-mana Hilang Upaya Kekal yang tidak diperincikan di dalam Jadual A hendaklah dinilai oleh Syarikat sehingga ke tahap perbandingan dengan bentuk-bentuk hilang upaya dan peratusan faedah yang boleh dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Jadual A.
4. i. Hilang Upaya Kekal hendaklah bermaksud kehilangan upaya mutlak daripada melibatkan diri dalam atau memberikan perhatian kepada mana-mana perniagaan atau apa-apa jenis perkerjaan yang menguntungkan;
ii. Hilang Upaya sedemikian hendaklah berterusan tanpa diganggu selama 52 minggu dari tarikh kemalangan sebelum apa-apa pembayaran dibuat di bawah perkara ini.

Faedah 3 : Perbelanjaan Perubatan

Berkenaan dengan kecederaan badan yang dideritai oleh sebab kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam polisi sebelum ini, Syarikat akan membayar semula perbelanjaan perubatan sebenar atau sehingga amaun maksimum kepada Pengambil Insurans seperti yang dinyatakan di dalam Jadual: untuk kos-kos yang berikut:-

a. Bayaran perubatan, pembedahan dan hospital atau perhatian perubatan, rawatan atau peralatan lain yang diberi atau dipreskripsikan oleh seorang Pengamal Perubatan yang berkelayakan.

b. Doktor Cina (Sinseh) dan rawatan tradisional atau kiropratik (termasuklah ubat-ubatan) sehingga RM35 bagi setiap lawatan dan sehingga RM300 dalam setahun dan adalah dimasukkan ke dalam had keseluruhan Faedah Perbelanjaan Perubatan di bawah Pelan yang dipilih.

Laporan perubatan, pakar, kematian dan post mortem seperti yang diperlukan oleh Syarikat untuk pemrosesan tuntutan.

Faedah 4 : Pendapatan Hospital

Syarikat hendaklah membayar elaun harian tunai kepada Pengambil Insurans seperti yang dinyatakan di dalam Jadual untuk setiap hari lengkap rawatan di dalam hospital bagi rawatan kecederaan badan sebagai akibat daripada sesuatu kemalangan seperti yang ditakrifkan di dalam perjanjian ini. Tempoh maksimum yang boleh dibayar adalah sehingga 30 hari dalam setahun.

Suatu "hari yang lengkap" ditakrifkan sebagai: Jika Pengambil Insurans dikenakan suatu bayaran bilik dan penginapan harian oleh hospital, maka ia dianggap sebagai 'hari yang lengkap'.

Hospital hendaklah bermaksud mana-mana hospital awam atau swasta/pusat perubatan yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan penginapan serta perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

Faedah 5 : Elaun Tunai Tambahan

Syarikat akan membayar suatu amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual secara sekali gus dengan syarat Pengambil Insurans tersebut telah terlantar di katil hospital untuk rawatan kecederaan badan akibat daripada suatu kemalangan yang telah ditakrifkan di dalam perjanjian ini. Faedah ini hanya boleh dibayar sekiranya Pengambil Insurans telah dirawat di dalam hospital untuk lebih daripada suatu tempoh selama tiga (3) hari lengkap secara berturut-turut, dengan syarat bilangan hari rawatan di katil hospital adalah diperlukan dan telah disarankan oleh pengamal perubatan yang membuat rawatan.

Amaun yang dinyatakan di dalam jadual ialah amaun maksimum yang boleh dibayar setiap tahun.

Suatu "hari yang lengkap" ditakrifkan sebagai: Jika Pengambil Insurans dikenakan suatu bayaran bilik dan penginapan harian oleh hospital, maka ia dianggap sebagai 'hari yang lengkap'. Hospital hendaklah bermaksud mana-mana hospital awam atau swasta/pusat perubatan yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan penginapan dan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

Faedah 6 : Elaun Tunai Jagaan Malam

Syarikat akan membayar elaun tunai jagaan malam kepada Pengambil Insurans seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sama ada untuk pasangan atau anak yang menjaga Pengambil Insurans untuk setiap hari yang lengkap apabila Pengambil Insurans terlantar di katil hospital untuk rawatan kecederaan badan akibat daripada suatu kemalangan seperti yang ditakrifkan di dalam perjanjian ini. Tempoh maksimum yang boleh dibayar adalah sehingga 30 hari dalam setahun.

Suatu "hari yang lengkap" ditakrifkan sebagai: Jika Pengambil Insurans dikenakan suatu bayaran bilik dan penginapan harian oleh hospital, maka ia dianggap sebagai 'hari yang lengkap'. Hospital hendaklah bermaksud mana-mana hospital awam atau swasta/pusat perubatan yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan penginapan dan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

Faedah 7 : Elaun Mingguan Persendirian

Sekiranya Pengambil Insurans menjadi tidak berupaya secara menyeluruh untuk melibatkan diri dalam atau memberikan perhatian

kepada profesion atau pekerjaan akibat daripada kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi di bawah Polisi ini seperti yang disahkan oleh seorang Pengamal Perubatan yang berkelayakan, Syarikat akan membayar elaun tunai mingguan kepada Pengambil Insurans seperti yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga tempoh maksimum selama 4 minggu dalam setahun.

Faedah 8 : Perbelanjaan Repatriasi

Syarikat akan membayar balik perbelanjaan repatriasi sebenar yang perlu ditanggung untuk menghantar mayat Pengambil Insurans balik ke negara asalnya kepada wakilnya yang sah sehingga amaun maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual sekiranya kematian Pengambil Insurans adalah diakibatkan oleh suatu kemalangan ketika mengembara di luar negara.

Faedah 9 : Perbelanjaan pengebumian

Sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Pengambil Insurans, Syarikat akan membayar amaun seperti yang dinyatakan di dalam Jadual secara sekali gus kepada waris kadimnya sebagai elaun kematian selepas penyerahan Laporan Polis dan Sijil Kematian. Pembayaran faedah ini bukan merupakan suatu pengakuan liabiliti di bawah Faedah 1 polisi ini.

Faedah 10 : Elaun-elaun lain.

a. Perbelanjaan Perjalanan

Syarikat akan membayar kepada pasangan atau anak sehingga amaun yang dinyatakan di dalam Jadual untuk perbelanjaan perjalanan yang sebenarnya ditanggung oleh mereka untuk mengembara ke dan dari kediaman kekal Pengambil Insurans dan/atau tempat pengebumian sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Pengambil Insurans seperti yang ditakrifkan di dalam perjanjian ini, dengan syarat ianya terletak di suatu negeri dan/atau negara yang memerlukan perjalanan merentas negeri dan/atau perjalanan luar negeri ke kediaman kekal dan/atau tempat pengebumian Pengambil Insurans. Perbelanjaan hendaklah termasuk kos penginapan dan sewaan bilik.

Amaun maksimum yang boleh dibayar untuk faedah ini adalah 10 hari dari tarikh kematian Pengambil Insurans

b. Bayaran balik pinjaman kereta

Sekiranya berlaku kematian kemalangan ke atas Pengambil Insurans, Syarikat akan membayar kepada waris kadimnya amaun yang dinyatakan di dalam Jadual sehingga tiga (3) bulan ansuran sewa beli yang tertunggak bagi kenderaan bermotor peribadi Pengambil Insurans.

Faedah 11 : Bonus Pembaharuan

Sekiranya tiada tuntutan telah dibuat pada tahun genapnya insurans tersebut, Jumlah Diinsuranskan yang asal untuk Faedah 1 dan 2 (Kematian dan Hilang Upaya Kekal) akan dinaikkan sebanyak 10% secara automatik pada setiap tahun untuk setiap pembaharuan sehingga maksimum 30% daripada Jumlah Diinsuranskan yang asal, dengan syarat setiap pembaharuan adalah berturut-turut dan Polisi tersebut tidak pernah luput pada mana-mana tahun yang telah diberikan.

Sekiranya tuntutan telah dibuat, semua bonus pembaharuan yang telah diberikan akan dibatalkan and Jumlah Diinsuranskan untuk Faedah 1 dan 2 (Kematian dan Hilang Upaya Kekal) akan kembali kepada Jumlah Diinsuranskan yang asal apabila diperbaharui. Bonus Pembaharuan akan diberi semula pada kadar yang sama untuk tahun yang berikutnya.

Faedah 12 : Indemniti Berganda

Syarikat akan membayar Jumlah Diinsuranskan yang asal seperti yang dinyatakan di dalam Jadual untuk : -

- i. Kematian atau ;
- ii. Kehilangan / kehilangan penggunaan mana-mana dua (2) anggota secara menyeluruh dan kekal;
- iii. Kelumpuhan Menyeluruh Kekal dari leher ke bawah.

Sekiranya Pengambil Insurans mengalami kecederaan akibat daripada sesuatu kemalangan yang berlaku ketika Pengambil Insurans sedang mengembara sebagai penumpang berbayar di atas mana-mana jenis pengangkutan awam.

Syarat-syarat Khas

1. Pengambil Insurans hendaklah mendapatkan pemeriksaan kesihatan sekiranya diminta oleh Syarikat atas perbelanjaan Syarikat.
2. Pemegang serahhak tidak berhak ke atas mana-mana pampasan di bawah polisi ini melainkan yang boleh dibayar berkenaan dengan kematian. Benefisiari yang dinamakan di dalam polisi ini adalah atas permintaan Pengambil Insurans tetapi Syarikat tidak terikat untuk membayar apa-apa pampasan yang mungkin perlu dibayar di bawah Polisi ini kepada Benefisiari melainkan Benefisiari tersebut turut merupakan wakil sah Pengambil Insurans
3. Tiada faedah akan dibayar hanya kerana ketidakupayaan Pengambil Insurans untuk menyertai sukan atau kegiatan masa lapang.

PENGECUALIAN

Syarikat tidak bertanggungjawab dalam hal Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau Kecederaan Badan lain akibat secara langsung atau tidak langsung daripada:-

1. Pengambil Insurans telah mengambil apa-apa jenis minuman keras atau dadah atau halusinogen yang bukan dipreskripsikan oleh seorang Pengamal Perubatan yang berkelayakan.
2. Pengambil Insurans melibatkan diri dalam:
 - (a) apa-apa sukan sebagai seorang profesional.
 - (b) penglibatan dalam apa-apa jenis perlumbaan kelajuan.
 - (c) apa-apa jenis pertinjuan atau peragaduhan bersenjata atau tidak bersenjata atau seni mempertahankan diri.
 - (d) mendaki gunung (dengan menggunakan tali) atau mendaki permukaan batuan atau cenuram atau kembara dalam gua.
 - (e) apa-apa aktiviti bawah air yang melebihi kedalaman empat puluh (40) meter.
 - (f) penerbangan atau perjalanan udara sebagai seorang anak kapal melainkan sebagai seorang penumpang berbayar dalam pesawat udara membawa penumpang yang berlesen sepenuhnya dan dipandu oleh ahli penerbangan profesional.
 - (g) apa-apa aktiviti udara lain termasuk sukan payung terjun, sukan terbang dengan pesawat peluncur, sukan luncur gantung.
 - (h) lumba lari berhalang, meluncur dan hoki ais.
 - (i) penggunaan mesin pertukangan kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal.
3. kehamilan atau kelahiran anak atau komplikasi daripadanya atau Pengambil Insurans menderita daripada keadaan tidak siaman, penyakit venereal, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental pra-wujud atau membunuh diri atau cubaan membunuh diri.
4. apa-apa jenis sakit, penyakit dan jangkitan akibat daripada punca yang bertindak secara beransur-ansur.
5. apa-apa jenis jangkitan, sakit atau penyakit yang berpunca daripada atau disebabkan oleh nyamuk dan membawa kepada Denggi, Malaria dan Japanese Encephalitis (JE).
6. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC).
7. pendedahan kepada bahaya yang tidak perlu dengan sengaja melainkan dalam cubaan menyelamatkan nyawa manusia.
8. apabila melakukan atau cuba melakukan perbuatan jenayah dan/atau perbuatan yang menyalahi undang-undang / haram.
9. menunggang dan/atau memandu tanpa lesen memandu yang sah.
10. a) peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, pemberontakan, ketenteraan atau perampasan kuasa.

- b) bahan senjata nuklear, pengionan, sinaran atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang dilakukan sendiri.
- c) Kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada tindakan keganasan apabilatindakan dan/atau tindakan. Keganasan melibatkan penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Senjata Biologi ini mungkin menyumbang atau bergabung kepada kebinasaan secara besar-besaran dalam sebarang bentuk.

Syarat

1. Kandungan kontrak
Polisi ini termasuk Jadual, Spesifikasi dan Pengendorsan hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan maksud khusus hendaklah membawa makna yang sama di mana juga ia digunakan.
2. Notis dan pindaan pada terma
Semua notis yang perlu diberi oleh Pengambil Insurans kepada Syarikat mesti secara bertulis dan dialamatkan ke Syarikat dan tiada pindaan pada terma Polisi ini mahupun mana-mana pengendorsan padanya, akan diputuskan sah melainkan ia ditandatangani atau diparapi oleh seorang wakil Syarikat yang diberi kuasa.
3. Pematuhan dan penunaian wajar
Pematuhan dan penunaian terma dan syarat dan pengendorsan Polisi ini dengan sewajarnya sejauh mana yang berkenaan dengan apa-apa perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pengambil Insurans adalah syarat terdahulu bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.
4. Pindaan pada risiko dan insurans lain
Pengambil Insurans hendaklah memberi notis serta-merta kepada Syarikat mengenai apa-apa pertukaran dalam alamat, pekerjaan, tugas atau apa-apa kecederaan, penyakit, kecacatan atau kelemahan fizikal yang telah mempengaruhi Orang Yang Diinsuranskan dan juga notis tentang apa-apa insurans lain (kecuali Polisi Insurans Motor) yang berkuat kuasa terhadap kemalangan atau ketakupayaan.
5. Priviti Kontrak
Melainkan disyaratkan sebaliknya secara nyata oleh pengendorsan Polisi ini, Syarikat adalah berhak menganggap Pengambil Insurans sebagai pemunya mutlak Polisi dan tidak terikat untuk mengiktiraf apa-apa ekuiti atau tuntutan lain atau kepentingan dalam Polisi dan penerimaan Pengambil Insurans atau wakilnya di sisi undang-undang semata-mata adalah suatu pelepasan efektif.
6. Fraud (Penipuan)
Jika cadangan atau akuan Pengambil Insurans adalah tidak benar dalam apa-apa hal, jika apa-apa fakta penting yang mempengaruhi risiko dinyatakan dengan tidak betul dalam dokumen itu atau tertinggal daripadanya atau jika insurans ini atau apa-apa pembaharuannya adalah didapat melalui apa-apa pernyataan silap, salah nyata atau penyekatan fakta atau jika apa-apa tuntutan yang dibuat adalah fraud atau dibesar-besarkan atau jika apa-apa akuan atau pernyataan palsu adalah dibuat untuk menyokongnya maka dalam mana-mana hal sedemikian Polisi ini adalah tak sah.
7. Pembaharuan
Syarikat tidak terikat untuk menghantar apa-apa notis tentang premium pembaharuan yang perlu dibayar mahupun menerima apa-apa pembaharuan Polisi ini. Seorang Pengambil Insurans yang mencapai umur 70 tahun tidak boleh diterima untuk pembaharuan.
8. Pembatalan
Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Pengambil Insurans di alamat terakhir yang diketahui dan akan membayar balik kepada Pengambil Insurans Premium tolak bahagian pro rata daripadanya untuk tempoh Polisi yang telah berkuat kuasa.
Sekiranya pembatalan diminta oleh Pengambil Insurans (dengan syarat bahawa tiada tuntutan berlaku dalam Tempoh Insurans

semasa), Pengambil Insurans adalah berhak menerima suatu bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh masa pendek yang dikira dari tarikh penerimaan notis atau pada tarikh yang ditentukan dalam notis sedemikian, yang mana lebih awal, seperti berikut:

Tempoh Insurans	Bayaran Balik Premium % tidak melebihi
1 bulan	75
2 bulan	60
3 bulan	50
4 bulan	37.5
5 bulan	30
6 bulan	25
7 bulan	17.5
8 bulan	12.5

lebih daripada 8 bulan bayaran balik premium tidak dibenarkan. Bayaran balik premium tidak diberi untuk pembatalan Polisi sekiranya premium yang dikenakan ialah premium minimum.

9. Tuntutan

Semasa berlakunya apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pengambil Insurans hendaklah memberi notis kepada Syarikat dengan butir-butir penuh kemalangan dan kecederaan tersebut dalam masa empat belas (14) hari selepas kejadian kemalangan. Kematian Pengambil Insurans hendaklah dibuktikan oleh Sijil Kematian Rasmi atau dalam hal Pengambil Insurans lenyap berikutan suatu kemalangan atau kehilangan sebuah kapal atau pesawat udara sama sekali, oleh Mahkamah yang menganggap kematiannya.

10. Timbangtara

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, salah seorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam keadaan Penimbangtara-penimbangtara tidak bersetuju, seorang wasit akan dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum bermulanya perujukan. Wasit tersebut akan duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan menjadi pengerusi dalam mesyuarat dan pembuatan suatu Award adalah syarat terdahulu bagi apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menolak tuntutan liabiliti terhadap Pengambil Insurans untuk apa-apa tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung dalam perjanjian ini dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolak tuntutan sedemikian, maka Tuntutan tersebut dianggap telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh didapati kembali menurut dokumen ini selepas itu.

11. Kewajipan Pendedahan

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

PELANJUTAN, FASAL DAN WARANTI

PELANJUTAN

Polisi ini memberikan perlindungan 24 jam di serata dunia termasuk kematian kemalangan atau kecederaan badan yang disebabkan oleh:

1. Penglibatan Pengambil Insurans dalam sukan air termasuk bermain ski dan belayar;
2. Penghijakan / Rampasan;
3. Mogok, rusuhan dan kekacauan awam dengan syarat bahawa Pengambil Insurans tidak mengambil bahagian dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam secara aktif, jika tidak pelanjutan ini menjadi tak sah;
4. Penglibatan Pengambil Insurans dalam sukan dalam atau sukan luar sebagai seorang amatir;
5. Gigitan serangga (kecuali Denggi, Malaria dan JE), ular dan binatang;
6. Pembunuhan dan serangan tanpa diberangsangkan;
7. Mati lemas, penyedutan gas dan peracunan;
8. Mabuk akibat ubat-ubatan yang dipreskripsikan oleh seorang pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar;
9. Keracunan makanan dan minuman;
10. Peril semula jadi seperti gempa bumi, ribut angin, letupan gunung berapi, banjir, kilat, ombak gadang, hurikan, siklon dan taufan;
11. Penglibatan Pengambil Insurans dalam sukan musim sejuk dalam atau luar sebagai seorang amatir;
12. Selam skuba sehingga 40 meter sahaja;
13. Memburu;
14. Penglibatan Pengambil Insurans dalam pendakian gunung (tanpa penggunaan tali atau pemandu) secara sambilan atau untuk tujuan keseronokan;
15. Penglibatan Pengambil Insurans dalam Permainan polo sebagai seorang amatir;
16. Mengembara sebagai seorang penumpang berbayar dalam sebuah pesawat udara yang berlesen untuk perkhidmatan penumpang dalam penerbangan yang dijadualkan dan tidak dijadualkan.

FASAL

1. Kelenyapan

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya Pengambil Insurans hilang semasa penguatkuasaan insurans ini, dan mayatnya tidak dijumpai dalam masa lebih daripada satu tahun selepas tarikh kelenyapannya dan bukti mencukupi telah diberikan kepada Syarikat dan membawa Syarikat kepada kesimpulan bahawa dia mengalami kecederaan badan akibat kemalangan dan kecederaan sedemikian telah mengakibatkan kematiannya, Syarikat akan membayar faedah kematian di bawah insurans ini dengan syarat bahawa orang yang menerima jumlah wang ini akan menandatangani suatu akujanji untuk membayar balik jumlah tersebut kepada Syarikat jika Pengambil Insurans dijumpai masih hidup kemudiannya.

2. Pendedahan kepada unsur-unsur semula jadi

Walau apa pun yang terkandung dengan sebaliknya dalam perjanjian ini, adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika sebagai akibat daripada suatu kemalangan yang dilindungi oleh Polisi ini, Pengambil Insurans tidak dapat dielakkan daripada

terdedah kepada unsur-unsur semula jadi dan sebagai akibat daripada pendedahan sedemikian, menderita apa-apa kerugian yang ditetapkan dalam Polisi ini, kerugian spesifik sedemikian akan dilindungi di bawah Polisi ini.

Sekiranya berlaku kematian ke atas Pengambil Insurans yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur tersebut, kematian ini akan dilindungi di bawah Polisi ini dengan syarat bahawa kematian ini tertakluk kepada suatu Badan Penyiasatan Kehakiman yang ditubuhkan dengan betul yang mana adalah didapati bahawa Pengambil Insurans meninggal dunia disebabkan oleh pendedahan akibat daripada suatu kemalangan.

Tertakluk selainnya kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

3. Fasal Penamaan

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Penama (Penama-penama) yang tertera pada Jadual telah dinamakan menurut Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

4. Fasal Koma

Selepas disahkan oleh seorang pengamal perubatan yang berkelayakan bahawa Pengambil Insurans telah berada dalam keadaan koma untuk sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat daripada suatu kemalangan, Syarikat akan membayar Jumlah Diinsuranskan yang asal untuk tahun apabila Pengambil Insurans berada dalam keadaan koma :

tahun kedua	20%
tahun ketiga	30%
tahun keempat	50%

WARANTI

Waranti Umur

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa had umur Pengambil Insurans adalah di antara enam belas (16) tahun dan enam puluh lima (65) tahun (boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun).

HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECEUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini, di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dikehendaki di bawah:

- Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - Penyelaras berlesen yang berdaftar;
 - Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans;
 - Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula;
 - ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
- Subjek Data (pencadang) hendaklah dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

CUKAI PERKHIDMATAN

Notis Mustahak:-

Dimaklumkan bahawa Cukai Perkhidmatan akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2018 pada kadar enam (6) peratus.

Pihak Syarikat berhak memungut sejumlah amaun bayaran Cukai Perkhidmatan yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 September 2018, memungut daripada pemegang polisi amaun Cukai Perkhidmatan keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 September 2018.

Kewajipan pembayaran Cukai Perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi Insurans.

Undang-Undang yang mengawal Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan, 2018 dan segala Peraturan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

FASAL PENGECEUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

- Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
- Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :
 - 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
 - 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan syarat-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.